Utusan Borneo: 29 Oktober 2026

Empat cuba menipu pelaburan wang kripto didenda RM3,000

MIRI: Empat individu termasuk seorang wanita masing-masing didenda RM3,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana cuba menipu orang awam berhubung pelaburan mata wang kripto yang tidak sah.

Tertuduh, Wu Wenxiang dan Yan Zhangxin, masing-masing berusia 31 tahun dari Fujian, China; Wong Jun Hao, 20, dari Faradale Garden di sini serta Ho Yee Rong, 21, dari Piasau Garden di sini didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 511 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, kesemua tertuduh didapati cuba menipu orang awam dengan memperdayakan mangsa supaya mempercayai bahawa mereka menawarkan pelaburan mata wang kripto yang sah dan secara tidak jujur mendorong orang awam supaya melaburkan sejumlah wang.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 4.25 petang, 23 Oktober lalu di sebuah lot di Jalan Pantai 3D, Taman Bayshore, Lutong di sini.